

# Muhyiddin cadang jawatan Pengerusi PN dimansuhkan

Kepemimpinan perlu distruktur semula melalui penubuhan Majlis Presiden dan Majlis Eksekutif

Oleh Julianna Jalaluddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mencadangkan jawatan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) dimansuhkan dan kepemimpinan gabungan itu disusun semula, susulan pertikaian dalaman yang berterusan berhubung pelantikan ketua baharu.

Dalam sepucuk surat kepada pimpinan PAS, Gerakan dan Parti Rakyat India Malaysia (MIPP), bekas Perdana Menteri itu berkata, BERSATU dan PAS bersetuju PN perlu distruktur semula melalui penubuhan dua badan baharu, iaitu Majlis Presiden yang diterajui BERSATU dan Majlis Eksekutif yang dipengerusikan PAS.

Beliau berkata, Majlis Presiden akan berfungsi sebagai badan pembuat keputusan tertinggi gabungan itu, termasuk menetapkan dasar, manakala Majlis Eksekutif pula akan mengurus pentadbiran harian selaras dengan keputusan yang dibuat.

"Dengan penstrukturan semula PN, jawatan pengerusi akan dimansuhkan dan isu pelantikan pengerusi baharu tidak lagi timbul," katanya dalam surat itu.

Langkah itu diambil selepas beberapa minggu pertikaian dala-



man dalam PN berhubung jawatan pengerusi gabungan itu selepas wujud perbezaan pandangan dalam kalangan parti komponennya mengenai peralihan kepemimpinan dan imbalan kuasa.

Cadangan itu dibuat susulan satu pertemuan di kediaman Muhyiddin pada 16 Januari lalu bersama Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang; Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, yang disifatkannya sebagai mesra dan membina.

#### **Kekalkan gabungan menarik**

Muhyiddin berkata, Abdul Hadi menekankan keperluan PN kekal sebagai sebuah gabungan yang mampu menarik sokongan masyarakat majmuk Malaysia, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Beliau menambah, pimpinan Gerakan dan MIPP telah dimaklumkan mengenai persetujuan itu dan menyatakan sokongan terhadap pelan berkenaan.

Bagaimanapun, ketegangan kembali tercetus selepas beliau dimaklumkan bahawa Timbalan Setiausaha Agung PN telah mengeluarkan notis bagi mengadakan mesyuarat khas Majlis Tertinggi pada hari ini, dengan pelantikan pengerusi baharu disenaraikan sebagai salah satu agenda.

Muhyiddin berkata, beliau tidak menerima notis itu dan tidak dijemput menghadiri mesyuarat berkenaan.

Menurutnya, mesyuarat yang dicadangkan serta agendanya itu bercanggah dengan konsensus yang telah dicapai lebih awal antara BERSATU, PAS, Gerakan dan MIPP.

Sambil menggesa supaya mesyuarat khas itu dibatalkan, Muhyiddin sebaliknya menjemput semua presiden parti gabungan PN menghadiri satu perbincangan 'pra-majlis' di kediamannya pada masa yang sama, iaitu pada hari ini.

Beliau berkata, pertemuan dalam kalangan pimpinan parti itu telah dipersetujui sebagai langkah perlu sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi diadakan.

"Kita harus kembali kepada semangat muafakat dalam menyelesaikan kebuntuan dalaman PN secara harmoni," tulisnya.

Muhyiddin turut menggariskan langkah segera untuk melaksanakan penstrukturan semula itu, termasuk penubuhan jawatankuasa dalam setiap parti anggota bagi mengkaji pindaan kepada perlembagaan PN, perundingan antara presiden parti mengenai perubahan yang dicadangkan, serta satu mesyuarat Majlis Tertinggi untuk meluluskannya secara rasmi.

#### **Nadi perkara dibincang**

Sementara itu, Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim Tuan Man menafikan dakwaan partinya dan BERSATU bersetuju untuk memansuhkan jawatan Pengerusi PN.

Malah, beliau turut menafikan perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat bersama Muhyiddin dan pemimpin PAS lain pada 16 Januari lalu.

"Kita setuju memperkasakan Majlis Presiden. Mekanisme dan struktural akan dibincangkan," katanya kepada *FMT*.

Tuan Ibrahim berkata, PAS berharap isu ini dapat diselesaikan dalam pertemuan hari ini.